

Bajet tingkat peruntukan pembangunan luar bandar

Seremban: Pembentangan Bajet Negeri Sembilan 2020 yang akan berlangsung hujung bulan ini diharap memberi peruntukan lebih besar kepada pembangunan luar bandar.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan, Ismail Ahmad berkata, banyak pembangunan dan kemajuan luar bandar yang perlu diberi keutamaan bagi mencapai pembangunan seiring dengan kawasan bandar.

Katanya, dalam usaha menjadi negeri maju, sudah pasti pembinaan jalan, lampu jalan dan infrastruktur di

kawasan luar bandar juga perlu diberi perhatian.

"Pembinaan industri di kawasan bandar sekarang ini diharap dapat dialihkan pula ke kawasan kampung bagi membolehkan pembangunan seiring, selain menurangkan jurang perbezaan antara bandar dan luar bandar.

"Ini penting bagi memastikan pembangunan di kawasan kampung juga tidak ketinggalan," katanya selepas merasmikan Perbincangan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Pembiat-Pembiat dan Peniaga-Peniaga Perabot Negeri Sembilan Sesi 2020-2021.

P11/1/20 06 AMH